

SEKAT AKAUN BEKAS SUAMI LIAT BAYAR NAFKAH

Rebus batu pujuk anak lapar tidur

➔ Ibu tunggal empat anak hidup sengsara selepas berpisah

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
cnews@nstp.com.my

► Bota

"Kesempitan hidup pernah memaksa saya memujuk empat anak yang ketika itu lapar dengan merebus batu sebelum meminta mereka tidur dan akan dikejutkan selepas 'makanan' itu masak sementara saya mencari lauk," kata ibu tunggal, Noorhayati Said.

Noorhayati, 41, yang menjadi ibu tunggal sejak 14 tahun lalu selepas berpisah dengan suaminya yang menghilangkan diri mendakwa, empat anaknya iaitu dua lelaki dan dua perempuan tidak pernah diberikan nafkah.

Berikutan itu, mereka lima beranak dihipit kesempitan hidup yang turut memaksa anak sulungnya, Mohd Amirul Hayat Abdullah, 17, membuat pelbagai kerja sampingan sejak berusia enam tahun untuk meringankan beban keluarga.

Noorhayati berkata, beliau sedih melihat anaknya bekerja pada usia muda sedangkan mereka sepatutnya fokus kepada pelajaran.

"Sebelum ini, saya bekerja di sebuah hotel dan untuk meringankan beban, Mohd Amirul serta adik bongsunya, Mohd Nurul Iman, 14, membuat kerja sampingan biarpun masih bersekolah untuk kelangsungan hidup kami sekeluarga.

"Kehidupan kami semakin rumit sejak saya menjalani pembedahan memotong dua jari kiri pada April lalu dan luka merebak sehingga ke tangan akibat kencing manis, sekali gus menjadikan Mohd Amirul mengambil sepenuhnya tugas sebagai ketua keluarga," katanya ditemui di rumah bapanya di Kampung Teluk Kepayang, Bota Kiri di sini, semalam.

Noorhayati berkata, Mohd Amirul yang memahami kesusahan hidup mula mengambil upah melakukan pelbagai kerja seperti memotong serai dan menyanam atap rumbia sejak be-



Noorhayati (tengah) bersama Mohd Amirul (kiri), Nurul Intan Nadira, (duduk, kanan), Nurul Intan Syafikah dan Mohd Nurol Iman ketika ditemui di Bota.

rusia enam tahun untuk membantu membeli susu adiknya.

Beliau berkata, anaknya itu banyak berkorban dan memahami kesusahan keluarga terutama Mohd Amirul yang sehingga kini bekerja menyara keluarga, namun berhenti sementara kerana peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Kerana kasihankan saya, dia berulang kali menyuarakan hasrat berhenti belajar dan bekerja sepenuh masa, namun saya memujuknya dan meminta dia menghabiskan persekolahan demi masa depannya.

Anak ambil alih tugas

"Walaupun sibuk dengan SPM, dia akan terus bekerja semula selepas tamat peperiksaan.

"Sayu hati saya kerana dia mengambil alih tugas sebagai ketua keluarga dengan bekerja mengambil upah sebagai pekerja katering dan membantu rakan di bengkel," katanya.

Beliau berkata, menjadi ibu tunggal dengan keadaan diri kurang sihat sangat sukar terutama

ketika semua anak masih bersekolah, namun dia tidak pernah menyalahkan takdir kerana kegagalan rumah tangganya.

"Apabila kerajaan bercadang mengetatkan lagi peraturan berkaitan nafkah, saya sangat gembira kerana ia dapat mem-bela kebajikan ibu tunggal terutama anak.

"Bagi saya, jika bapa tidak mampu memberi jumlah sepatutnya, tetapi dapat bagi belanja persekolahan pun sudah cukup baik," katanya.

Katanya, cadangan kerajaan itu sangat bagus kerana jika tiada usaha ke arah itu, bekas suami atau bapa dilihat terus lalai dan lupa tanggungjawab mereka kepada anak.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Muja-hid Yusof berkata, sekatan terhadap akaun bank suami yang 'liat' membayar nafkah kepada bekas isteri dan anak adalah antara cadangan kerajaan untuk menguatkuasakan keadilan syariah kepada golongan berkenaan.